



**EMAS TUNGGAL:** Sheikh Alauddin memenangi pertarungan Kelas I, bagi peserta-peserta yang mempunyai berat badan 80 hingga 85 kilogram. <sup>2</sup>

# Alauddin jaya rebut emas

Tewaskan pesilat Indonesia, Suratno

Oleh **MOHD SANI ALI**  
**- 2 DEC 1991**

dalam pertarungan sengit

**SHEIKH** Alauddin Yaacob berjaya mempertahankan kedudukannya sebagai juara Kejohanan Silat Dunia apabila memenangi pingat emas dalam Kejohanan Pencak Silat Asia Tenggara, di Manila kelmarin.

Pingat emas itu juga merupakan emas tunggal pasukan negara yang diwakili oleh tiga pesilat lelaki dan

seorang pesilat wanita, dalam kejohanan yang disertai oleh enam negara. *SUKAN S.A.*

Alauddin muncul sebagai juara dunia di Vienna, Austria, berjaya mengalahkan pesilat Indonesia, Suratno, dalam pertarungan sengit untuk Kelas I, iaitu untuk peserta-peserta yang mempunyai berat badan 80 hingga 85 kilogram.

Bagaimanapun, berat badan Azman Amat menyebabkan beliau kehilangan pingat perak, seperti yang diharapkan.

Azman, yang seharusnya tampil dalam acara Kelas D, untuk berat badan 55 hingga 60 kg tetapi timbangan menunjukkan beliau mempunyai berat badan 64 kg.

Begitupun, kekalahan Badriah Hosni, dalam Kelas

B untuk peserta dalam kategori berat badan 45 hingga 50 kg, agak memeranjatkan para pegawai Singapura.

Ini disebabkan Badriah merupakan pemenang pingat emas Kejohanan Terbuka Malaysia, tewas di tangan pendatang baru, Nurulhuda Mohd Salleh dari Malaysia, dalam pusingan pertama.

Seorang lagi peserta Singapura, Abdul Latib Tambi, juga gagal mara ke pusingan kedua dalam perjuangannya di Kelas A.

Bagaimanapun, presiden Persatuan Pencak Silat Singapura (Persisi), Haji Abdul Rahman Ismail, menyifatkan kejayaan anak buahnya membawa pulang dua pingat dari Manila, cukup memuaskan.

"Ini memandangkan kami tidak dapat menghantar jumlah pesilat yang lebih ramai kerana masalah kewangan. Tanpa bantuan Majlis Sukan Singapura (SSC), kami tidak mungkin dapat mengambil bahagian di Manila ini," kata Haji Rahman.

Indonesia muncul sebagai juara keseluruhan apabila berjaya memungut enam daripada 15 pingat yang diperolehi. Malaysia menduduki tempat kedua dengan lima emas, Thailand pula dua emas dan Brunei bersama Singapura, masing-masing sebutir emas.

Filipina, selaku tuan rumah telah menunjukkan kemajuan pesat dalam seni silat olahraga ini dan berjaya memungut dua perak di sam-

**“Ini memandangkan kami tidak dapat menghantar jumlah pesilat yang lebih ramai kerana masalah kewangan. Tanpa bantuan Majlis Sukan Singapura (SSC), kami tidak mungkin dapat mengambil bahagian di Manila ini.”**

— Haji Rahman Ismail, Presiden Persisi.

ping sembilan gangsa.

Berikut ialah keputusan penuh:

**Bahagian lelaki:**

**Kelas A:** 1. Samiaji (Ina) 2. Mohd Basri A. Rahman (Mal) 3. Shahril Haji Mayalin dan Ronildo A. Palmera (Fil).

**Kelas B:** 1. Johansyah (Ina) 2. Dioge Haducana (Fil) 3. Mohd Rafee Yaakub (Mal) dan Md Ali Zanuri Haji Ismail (Bru).

**Kelas C:** 1. Shairuddin Md Noor (Mal) 2. Margani Hussin (Fil) 3. Surya Ganda (Ina) dan Haji Janudin Haji Tahir (Bru).

**Kelas D:** 1. Zakri Ibrahim (Mal) 2. Kampanant Keodamarongchai (Tha) 3. A.M.Prasetyo (Ina) dan Carlito Deliva (Fil).

**Kelas E:** 1. Seksan Tantawat (Tha) 2. Dani Wisau (Ina) 3. Azman Amat (Sinn) dan Marcial Romualdo (Fil).

**Kelas F:** 1. Wan Mohamed Aminuddin Baki (Mal) 2. I. Nyoman Mudiana (Ina) 3. Hassam Haji Tuah (Bru) dan Glenn Paredes (Fil).

**Kelas G:** 1. Zulfakar a. Majid (Mal) 2. Haji Rosli Haji Karim (Bru) 3. Zuhri Harahap (Ina) dan Loui Yap (Fil).

**Kelas H:** 1. Taslim Azis

(Ina) 2. Zakaria Hawsah (Mal) 3. Hussin Mahmood (Bru) dan Alexeus Martins Papano (Fil).

**Kelas I:** Shaik Alauddin Yaacob (Sin) 2. Suratno (Ina) 3. Haji Alidi Haji Alidon (Bru) dan Mazlan Zaari (Mal).

**Kelas Bebas:** 1. Zainal Amat (Mal) 2. Pujo Prasetyo (Ina) 3. Haji Ismerul Iqbal (Bru) dan Midel Buenselido (Fil). **- 2 DEC 1991**

**Bahagian Wanita:**

**Kelas A:** 1. Endang Sawitri (Ina) 2. Normala Yaakub (Mal) 3. Wantanee Boonaied (Tha) dan Aurora Fontanilla (Fil).

**Kelas B:** 1. Manid Sookkaew (Tha) 2. Nurulhuda Md Salleh (Mal) 3. Sri Suharsih (Ina) dan Chona David (Fil).

**Kelas C:** Budiwati Ido (Ina) 2. Umi Kalthum Abdul Karim (Bru) 3. Rosni A. Majid (Bru) dan Imelda Sanches (Fil).

**Kelas D:** 1. Ni Made Wahyuni (Ina) 2. Zoe Abdul Karim (Bru) 3. Anum Adnan (Mal) dan Josie Jean Casteneda (Fil).

**Kelas E:** 1. Dayangku Nani Suryati (Bru) 2. Maisafura Md Noor (Mal) 3. Eveline Prisca N (Ina).

# Pesilat menyerlah

LIMA pingat emas, lima perak dan lima gangsa yang dimenangi pada Kejohanan Khas Silat Olahraga sempena Sukan SEA Manila disambut dengan rasa terharu oleh skuad kebangsaan kerana tidak dihitungkan dalam senarai penganjur pingat temasya sukan itu.

Ketua jurulatih silat olahraga kebangsaan, Mohd Noor Mahmud, berkata kegembiraan sebenar tidak dapat dirasakan kerana gagal diraikan bersama oleh seluruh kontinjen Sukan SEA negara.

Begitupun, katanya, pencapaian itu cukup ber-

erti sekali kerana dapat menghalang penguasaan besar Indonesia.

Indonesia menjuarai acara keseluruhan dengan enam pingat emas dan tiga perak.

Mereka yang memenangi pingat emas ialah Sharuddin Mohd Noor (C), Zakri Ibrahim (D), Zulfakar Majid (G), Wan Aminuddin Baki Abu Bakar (F) dan Zainal Amat (Bebas).

Pemenang perak ialah Basri Abdul Rahman (A), Zakaria Hamzah (H), Normala Yaacob (A), Nurul Huda Salleh (B) dan Maisafura Mohd Noor (E).

Manakala mereka yang

**B. Harian (M)** mengutip gangsa pula ialah Rafie Yaacob (B), Roslan Hamid (E), Mazlan Shaari (I), Rosni Majid (C) dan Anum Adnan (D).

Mohd Noor berkata, pencapaian di Manila kali ini begitu bermakna bagi sukan silat olahraga kerana semua 15 pesilat tidak pulang tangan kosong.

Katanya, pencapaian pesilat wanita kali ini juga membanggakan kerana tiga daripada mereka meraih pingat perak dan dua gangsa.

"Saya percaya dengan struktur latihan yang tersusun, pesilat wanita mampu mencatat sejarah

dengan meraih pingat emas di peringkat antarabangsa," katanya yang pulang dari Manila, kelmarin.

Menurutnya, latihan pusat yang menggunakan dua tenaga jurulatih muda iaitu Ahmad Khussairi Ibrahim dan Ahmad Wardi Salim cukup memberi kesan.

Mohd Noor berkata, jika sistem pemilihan jurulatih dan latihan tersusun dikekalkan, pencapaian seumpama ini boleh dipertahankan apabila menghadapi Kejohanan Sedunia di Bangkok, pertengahan tahun depan.